

17/11/1999

Pembangking perlu kenang jasa Umno

MELAKA, Selasa - Parti pembangkang seharusnya berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang bersedia bertoleransi dengan mereka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata ini kerana kerajaan BN di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah tulang belakang kepada mereka untuk meneruskan perjuangan dalam bidang politik.

Katanya, mereka juga perlu mengenang jasa dan pengorbanan ahli Umno yang terdahulu dan tidak menjadi seperti kacang lupakan kulit.

"Umno bukan saja sudah banyak berjasa kepada bangsa Melayu sejak 1946 sehingga kini, bahkan kepada parti pembangkang seperti Pas, DAP dan Keadilan," katanya di majlis perjumpaan jentera pilihan raya dan meraikan penerima pingat darjah kebesaran negeri Melaka 1999 anjuran Umno Bahagian Batu Berendam, di sini malam tadi.

Menurut Abu Zahar, Pas juga perlu berterima kasih kepada kerajaan BN kerana masih membenarkan mereka menerbitkan akhbar Harakah.

Katanya, beberapa pemimpin Umno pernah mencadangkan untuk mengharamkan Harakah tetapi atas nasihat Dr Mahathir, penerbitan akhbar itu dibenarkan juga.

"Dr Mahathir pernah mengatakan suatu masa nanti masyarakat tidak akan percaya kepada berita yang ditulis oleh pemberita Harakah kerana sudah mengetahui agenda serta muslihat mereka," katanya.

Abu Zahar juga turut menyelar sikap pemimpin parti pembangkang, Lim Kit Siang di Parlimen yang dibayar gaji untuk mengkritik kerajaan tetapi turut mengutuk kerajaan.

Katanya, ahli BN juga kini sudah bijak memilih pemimpin bagi menjamin masa depan mereka kerana mereka mempunyai fikiran yang baik, rasional dan tidak menyakiti orang lain.

"Ahli BN tidak akan memilih parti pembangkang seperti Keadilan yang menjadi parti jalanan dan parti laungan, DAP yang menjadi anak cetusan PAP Singapura dan bukannya parti Malaysia yang asli manakala Pas pula, semua tahu bahawa ia serpihan ulama Umno 1952," katanya.

Abu Zahar meminta semua ketua-ketua 10 mendampingi pemilih di kawasan mereka bagi memastikan BN menguasai semua kawasan pilihan raya di negeri ini.

"Isu serta khabar angin yang berlaku dan tidak benar boleh menyebabkan pemilih serta pengundi menyokong atau lari daripada memilih dan sehubungan itu, semua ketua 10 perlu memainkan peranan mereka," katanya.

(END)